

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang diambil bagi mempelbagaikan aktiviti hiliran yang mempunyai nilai tambah yang tinggi melalui penggunaan teknologi moden di Wilayah Persekutuan Labuan.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Labuan merupakan hab pengeluaran dan eksport metanol berskala-mega dengan kapasiti keseluruhan sebanyak 2.3 juta tan metrik setahun milik *PETRONAS Chemical Group (PCG)*. Pembangunan Labuan sebagai antara pengeluar dan pengeksport metanol terbesar di rantau ini turut memberi impak positif dan kesan pengganda kepada pertumbuhan sesio-ekonomi di Labuan.

2. Pada masa ini, tiada sektor hiliran metanol di Labuan tetapi taerdapat permintaan daripada loji-loji pembuatan "*formaldehyde*" di negeri Sabah dan Sarawak supaya PETRONAS membekalkan metanol sebagai "*feedstock*". Berkaitan cadangan untuk mempelbagaikan aktiviti hiliran yang mempunyai nilai tambah yang tinggi melalui penggunaan teknologi moden, Kerajaan Persekutuan akan terus memastikan aktiviti hiliran selain industri minyak dan gas kekal menjadi sektor yang terbuka kepada mana-mana pelabur, sama ada dari dalam atau luar negara yang berminat untuk mencadangkan, menilai dan membuat pelaburan di Labuan.

3. Selain itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan telah menyediakan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna 2012-2020 bagi membangunkan industri tuna laut serta menyokong industri hiliran berasaskan tuna seperti sate tuna, burger tuna, tempura tuna, dan serunding tuna.

Sekian, terima kasih.